

# Pemindahan Teknologi Swiss Ke UniMAP

**15 Ogos 2008**,- The Swiss Asean Technology Institute (SATI) telah menawarkan kerjasama dengan UniMAP di dalam program rekabentuk dan pembuatan mesin kegunaan khas untuk operasi mekanikal.

Selepas melihat kemudahan yang terdapat di UniMAP, terutamanya Pusat Kejuruteraan yang terletak di Kuala Perlis, Mr. Walter Hogger, pengasas SATI, menyatakan bahawa UniMAP mempunyai kemudahan dan kelengkapan yang terkini yang membolehkan Swiss memindahkan teknologinya ke Malaysia, melalui UniMAP.

"Kami akan membuat surat secara rasmi mengenai perkara ini kepada pihak tertinggi universiti," kata beliau semasa perbincangan bersama dekan-dekan UniMAP